



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## KENYATAAN MEDIA

### **KUSKOP DAN TEKUN NASIONAL MENGANJURKAN KARNIVAL TEKUN MADANI DAN SHOWCASE SATU DAERAH SATU INDUSTRI SEMPENA PESTA KAAMATAN 2024 DI KUALA PENYU, SABAH**

**KUALA PENYU, 11 MEI 2024** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama TEKUN Nasional telah menganjurkan Karnival TEKUN MADANI dan Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) sempena Pesta Kaamatan 2024 di Dewan Datuk Shahbandar Makang, Kuala Penyu pada 10 hingga 12 Mei 2024. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Pelaksanaan Karnival TEKUN MADANI dan *Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI)* ini bertujuan untuk mewujudkan dan memperluaskan rantaian perniagaan di antara usahawan SDSI dengan pembeli, pengedar, agen pemasaran, stokis, pengimport, pasar raya besar dari dalam dan luar negara. Ia juga bertujuan menyediakan medium pemasaran produk dan perkhidmatan SDSI yang berkualiti, memberi kesedaran, meningkatkan akses dan peluang pembiayaan perniagaan kepada usahawan SDSI.

Seramai 61 usahawan SDSI daripada TEKUN Nasional, Jabatan Pembangunan Perindustrian & Penyelidikan (DIDR) Sabah dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) terlibat dalam aktiviti jualan dan pameran produk makanan & minuman (F&B), produk kraf, produk inap desa dan

produk/perkhidmatan kesihatan. Usahawan SDSI tersebut menjual dan mempamerkan produk SDSI yang unik serta melambangkan identiti sesebuah daerah.

Bersempena Pesta Kaamatan 2024 yang bertemakan Kaamatan Melangkaui Keterjaminan Makanan atau dalam bahasa Kadazan-Dusunnya “Kaamatan, Poingalib Kohimaganan Taakanon”, pelbagai pengisian aktiviti menarik diadakan termasuklah persembahan kebudayaan dan pameran rumah etnik bagi memperkenalkan budaya dan tradisi masyarakat setempat. Sambutan perayaan Pesta Kaamatan 2024 ini telah dilancarkan pada 1 Mei di Ranau dan akan berakhir di Penampang pada 31 Mei nanti.

Dalam majlis ini juga, YB Datuk Ewon Benedick telah mengumumkan pelaksanaan **Program Pembangunan Premis Tamu Desa** dengan projek rintis menaik taraf dua tamu desa di Daerah Kuala Penyu dengan peruntukan berjumlah RM400 ribu. Projek ini bertujuan untuk menaik taraf kemudahan ruang niaga dan infrastruktur keusahawanan di luar bandar. Bagi masyarakat di Sabah, pasar tamu atau pasar minggu ini merupakan tempat masyarakat berbilang kaum dan agama bertemu dan berjual beli. Pasar tamu ini mempunyai keunikan tersendiri kerana pelbagai produk tempatan masyarakat Sabah dijual.

Di samping itu, YB Datuk Ewon Benedick turut mengumumkan pelaksanaan **Skim Pembiayaan Peralatan Perniagaan (S3P)** oleh TEKUN Nasional. Skim ini bertujuan membantu usahawan mengembangkan perniagaan dengan bantuan pembiayaan untuk modal perniagaan berserta bantuan pembiayaan pembelian peralatan perniagaan dalam satu pembiayaan. Nilai pembiayaan yang diberikan

adalah di antara RM1,000 hingga RM20,000 dengan kadar keuntungan 4% setahun.

Beliau juga menyatakan bahawa Kerajaan di bawah pembentangan Belanjawan 2024 menyokong pembangunan usahawan bagi meningkatkan kapasiti perniagaan serta daya saing melalui penyediaan kemudahan pinjaman kecil kepada usahawan mikro dan peniaga kecil. Antaranya, seperti peruntukan berjumlah RM100 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk membasmi kemiskinan; Dana Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia berjumlah RM100 juta bagi meningkatkan keupayaan koperasi dalam rantai bekalan; dan Peruntukan sebanyak RM330 juta kepada TEKUN untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada peniaga kecil.

Manakala, bagi mengiktiraf usahawan yang terbukti berjaya mengharungi cabaran perniagaan dalam ketidaktentuan ekonomi semasa, seramai lapan usahawan cemerlang dari Sabah telah terpilih untuk menerima **Anugerah Usahawan Berjaya TEKUN Nasional**.

**Yayasan Bank Rakyat** turut memberikan sumbangan berjumlah RM300 ribu kepada Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) bagi pelaksanaan program latihan keusahawanan di Sabah dan Sarawak yang akan memberi manfaat kepada 1,200 usahawan. Melalui program ini, setiap usahawan informal akan menerima insentif yuran sebanyak RM250 bagi menyertai program latihan keusahawanan anjuran INSKEN di Sabah dan Sarawak. Usahawan dan bakal usahawan yang berminat boleh melayari dan mendaftar program latihan dan bimbingan keusahawanan di laman web INSKEN, [www.insken.gov.my](http://www.insken.gov.my)

KUSKOP menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) juga telah mengadakan Jualan MADANI Koperasi yang menawarkan barang keperluan asas seperti gula, tepung, minyak masak, produk-produk koperasi serta barang keperluan yang lain dengan kadar penjimatan sekitar 10%-15% daripada harga pasaran. Pelaksanaan Jualan MADANI Koperasi ini memperlihatkan keprihatinan Kerajaan terhadap isu kos sara hidup yang membelenggu rakyat terutamanya di luar bandar.

KUSKOP berharap dengan pelaksanaan Karnival Tekun MADANI dan Showcase SDSI ini dapat merancakkan aktiviti keusahawanan dan koperasi khususnya di Daerah Kuala Penyu yang seterusnya akan meningkatkan daya saing usahawan tempatan. Ini adalah selaras dengan hasrat dan kerangka visi MALAYSIA MADANI di bawah tonggak “kesej@hteraan” yang membawa makna keseimbangan atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan bagi memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

---

*Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:*

*Rozer bin Masudin  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
Tel: 012-242 5481 E-mel: [ukk@kuskop.gov.my](mailto:ukk@kuskop.gov.my)*